



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

LAWATAN YB MENTERI NRECC KE KAWASAN BANJIR DAERAH KLANG SELANGOR

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah membuat lawatan kerja ke kawasan banjir sekitar Bandar Bukit Raja, Daerah Klang Selangor hari ini.

Lawatan ini adalah susulan daripada kejadian banjir yang berlaku pada 4 Jun 2023 di beberapa lokasi di Daerah Klang yang melibatkan kawasan Pekan Meru dan Bandar Bukit Raja, Klang Selangor.

Kawasan yang terjejas di Pekan Meru antaranya Taman Daya Meru, Taman Daya Maju, Jalan Kasban dan Persiaran Hamzah Alang manakala kawasan Bukit Raja melibatkan Bandar Baru Bukit Raja dan Mutiara Bukit Raja. Dilaporkan anggaran sebanyak 50 hingga 100 buah rumah terjejas banjir dengan kedalaman 0.1m-0.5m dan melibatkan perpindahan penduduk melibatkan 20 keluarga.

Kejadian banjir ini berlaku adalah disebabkan hujan yang sangat lebat dan berpanjangan melebihi 3 jam dan bertembung dengan air laut yang pasang. Selain itu, faktor sistem saliran dalaman yang tidak dapat menampung kuantiti air yang banyak dan tidak dapat mengalir ke sungai kerana aras air sungai yang tinggi juga turut menyumbang kepada berlakunya banjir.

Pada hari kejadian, Stesen Telemetri Kg. Perepat, Kapar, Klang telah merekodkan hujan tertinggi sehingga 98.5mm dan ini menyebabkan status aras air Sg. Binjai, Pekan Meru, Klang meningkat sehingga 4.38m melepasi aras bahaya iaitu 4.2m pada jam 12.00 tengahari pada hari yang sama. Walau bagaimanapun, pada 5 Jun 2023 jam 5 petang air telah surut sepenuhnya.

Cadangan penyelesaian jangka masa pendek adalah dengan meningkatkan kekerapan penyelenggaraan sistem saliran kawasan tersebut. Manakala penyelesaian jangka panjang adalah dengan pelaksanaan segera Rancangan Tebatan Banjir Sg. Batu Enam, Rancangan Tebatan Banjir Sg. Kapar Kecil dan Sg. Kapar Besar.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**

6 JUN 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia